

KOMIK



Membantu murid sekolah

menentang

Cacing Tularan Tanah

Basuh Tangan Dengan Betul

Mari kawan-kawan kita amalkan.
Guna cara betul untuk basuh tangan.
Ada tujuh langkah perlu kita amal.
Agar jauh dari penyakit dan kuman.

Pertama, guna sabun dengan secukupnya,
barulah harum wangi tangan kita.

Kedua, gosokkan sabun di tapak tangan,
biar sabun kena di semua bahagian.

Ketiga, gosok di setiap jari-jari kita,
jangan lupa di celah kuku-kuku juga.

Keempat, gosok kuku di tapak tangan,
supaya tanggal semua kotoran.

Kelima, gosok sabun di belakang tangan
agar tangan bersih keseluruhan

Keenam, basuh dengan air secukupnya
hindari semua kotoran dan bakteria

Terakhir, keringkan tangan guna kain bersih
barulah selesai semuanya

Jagalah kebersihan tangan kita,
sebab tangan guna untuk banyak perkara.
Guna untuk pegang, untuk angkat,
untuk makan.

Bila tangan bersih baru orang suka kita.

Lagu dan Lirik oleh : Abu Zaharen



SUATU HARI DI SEKOLAH..

SELAMAT
PAGI,
CIKGU!


SELAMAT PAGI. HARI INI CIKGU AKAN
UMUMKAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
YANG LALU.

Friday

KITA AKAN LIHAT SIAPA YANG
MENDAPAT MARKAH
TERTINGGI DAN SIAPA
YANG PALING RENDAH!

PASTINYA SAYA
YANG MENDAPAT
MARKAH PALING
RENDAH

gigit~gigit~







MENGGIGIT KUKU ADALAH PERBUATAN YANG TIDAK SIHAT!

LEBIH-LEBIH LAGI JIKA KAMU TIDAK MEMOTONG KUKU KAMU.



BAIKLAH. OLEH KERANA HARI INI HARI TERAKHIR PERSEKOLAHAN, CIKGU BAWA SEBIJI KEK UNTUK KAMU SEMUA.



TAPI, KAMU MESTI CUCI TANGAN DAHULU!

BAIK, CIKGU!



TAPI SEBELUM ITU, BIAR CIKGU PERIKSA KUKU KAMU DAHULU!



BAIK, CIKGU!



ALAMAK! SAYA LUPA POTONG KUKU!

LEWAT PETANG ITU---


ATAN!
MARI KITA
MAIN BOLA!

EH. KENAPA NI?
AWAK NAMPAK
PUCAT DAN SEDIH.

SAYA HAIRAN APA YANG TIDAK
KENA DENGAN DIRI SAYA







HAI! NAMA SAYA
ZIBIRU. SAYA DARI
ANGKASA LEPAS!

KENAPA KAMU
DI SINI?

SAYA SEDANG
MENJALANKAN
KAJIAN TENTANG
CACING!

ATAN BARU SAHAJA SELESAI
MEMBUANG AIR APABILA TERLIHAT
RAMBUTAN DI ATAS TANAH.

AHH--LEGANYA!
EH?
RAMBUTAN?



HMMM..
RAMBUTAN!
KEGEMARAN
SAYA!



EH?
KENAPA?



BERHENTI!!



KENAPA
KAMU
BERKAKI
AYAM?



SUDAHKAH KAMU
MEMBASUH
TANGAN?

ERR..
BELUM LAGI



MARI SAYA PERIKSA

SEPERTI YANG DIJANGKA! KAMU SUDAH DIJANGKITI CACING!



MANUSIA DIJANGKITI CACING USUS SEKIRANYA TERTELAN TELUR CACING MELALUI MAKANAN TERCEMAR ATAU JARI YANG KOTOR. ATAU MELALUI PENETRASI KULIT.



Cacing Gelang



Cacing Cambuk



Cacing Kait

CACING DAN TELUR MEREKA ADA DI MANA-MANA. SEBAB ITU KAMU PERLU BERHATI-HATI BILA BERMAIN DENGAN TANAH.



JANGKITAN CACING AKAN
MENGANGGU TUMPUAN
KAMU SEMASA BELAJAR!

APA YANG PERLU
SAYA LAKUKAN?

SAYA AKAN
BANTU!

KAMU PERLU INGAT...

POTONG
KUKU!

PAKAI KASUT
BILA BERMAIN
DI LUAR.

BASUH TANGAN SEBELUM
MAKAN. SELEPAS KE
TANDAS DAN SELEPAS
BERMAIN TANAH.

JANGAN BUANG AIR DI
DALAM SUNGAI.
GUNAKAN TANDAS
YANG BETUL.

BUANG NAJIS DI DALAM
LUBANG ATAU DI ATAS
DAUN, KEMUDIAN TANAM.






MARI KITA KE RUMAH KAMU PULA. ADA BEBERAPA PERKARA YANG KAMU PERLU BERITAHU IBU KAMU.

RUMAH ATAN

IBU!

YA, ATAN?

INI KAWAN SAYA ZIBIRU. DIA DATANG DARI ANGKASA LEPAS. DIA NAK BANTU SAYA ATASI MASALAH JANGKITAN CACING!



HAI, ZIBIRU



SENTIASA BASUH SAYUR DAN BUAHAN DENGAN AIR BERSIH



MINUM AIR YANG SUDAH DIMASAK.

BAIKLAH. IBU AKAN INGAT ITU.

TUTUP MAKANAN DARIPADA LALAT.

SEJAK ITU, ATAN MULA BERUBAH



ATAN MENGAMBIL UBAT MERAWAT KECACINGAN.

SENTIASA MEMASTIKAN KUKUNYA PENDEK.



MENGGUNAKAN TANDAS 'FLUSH'



MEMBASUH TANGAN SEBELUM MAKAN DAN SETELAH BERMAIN TANAH.

MEMAKAI KASUT BILA KELUAR.



ATAN MULA DAPAT MEMBERI FOKUS BILA BELAJAR.

AKHIRNYA, ATAN DAPAT
MENCAPAI KECEMERLANGAN
DALAM PELAJARANNYA.

UNTUK HIDUP SIHAT
TANPA JANGKITAN
CACING..



BASUH TANGAN SETELAH KE
TANDAS, BERMAIN DENGAN TANAH
DAN SEBELUM MAKAN!



BASUH SAYURAN DAN
BUAHAN DENGAN AIR
BERSIH!



PAKAI KASUT
BILA KELUAR

TUTUP MAKANAN
DARIPADA LALAT



POTONG KUKU PENDEK










MINUM AIR YANG
SUDAH DIMASAK

INGAT YA!




BUANG AIR JAUH DARI
TEMPAT BERMAIN

Tandakan (✓) pada amalan yang betul dan (X) pada amalan yang salah.



Warnakan Poster di bawah mengikut warna kesukaan adik-adik.

UNTUK MENGELAKKAN JANGKITAN
CACING TULARAN TANAH
PAKAILAH KASUT
BILA BERMAIN DI
LUAR.




Jagalah Kebersihan Diri

Marilah kita semua
jaga kebersihan diri kita
badan sihat orang pun suka
baru hidup kita ceria~
bangun pagi gosok gigi
mandi dgn air yang bersih
guna sabun cucikan badan
guna tuala bersih badan dikeringkan
shampu rambut ketika mandi
selepas itu sikat rambut dengan rapi
pakai pakaian yang bersih
pasti orang rasa kasih
potong kuku sebelum panjang
untuk hindari bakteria
cuci tangan sebelum makan
supaya tidak dijangkiti kuman
makanlah buah dan sayuran
dan cucikan sebelum makan
supaya kita sihat dan kuat
dan tidak dijangkiti penyakit
pakai kasut yang bersih
bila hendak keluar rumah
untuk melindungi kaki kita
dari cacing dan kotoran


(solo)

Amalkan cara hidup sihat
menjaga tubuh dan penampilan
baru hidup penuh berkat
dan penuh senyuman
dan penuh senyuman



lagu dan lirik : Abu Zaharen

Health Education Learning Package to control Soil-Transmitted Helminthiasis among Orang Asli Schoolchildren



**UNIVERSITI
MALAYA**

The Leader in Research & Innovation

Project team: Assoc. Prof. Dr. Hesham M. Al-Mekhlafi
Professor Dr. Rohela Mahmud
Assoc. Prof. Dr. Yvonne Al Lim
Dr. Ahmed K. Al-Delaimy

Department of Parasitology, Faculty of Medicine,
University of Malaya

Contact: halmekhlafi@yahoo.com,
halmekhlafi@um.edu.my

In collaboration with:



JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI

